

EDISI APRIL-JUN 2023

# KUALITI

PELAPORAN DAPATAN  
PENILAIAN IQMS:  
*ACADEMIC DEVELOPMENT AND  
MANAGEMENT*

LAWATAN MUHIBAH  
NAIB CANSOLOR KE InQKA

eISSN 2976-2596



# ISI KANDUNGAN

## 2

**PRAKATA**  
Penolong Naib Canselor InQKA

## 3

**NOTA EDITOR**

## 4

**PENJENAMAAN DAN PENYUSUNAN SEMULA UNIT DI InQKA**

## 5-11

**PELAPORAN DAPATAN PENILAIAN iQMS:  
ACADEMIC DEVELOPMENT AND MANAGEMENT**

## 12-14

**WEBINAR**

Pembangunan, Pengiktirafan, Pengurusan dan Pemantauan Program Akademik

## 15-18

**LAWATAN AUDIT**

Akreditasi Program (LAAP)

## 19-22

**SESI LAWATAN PENANDAARASAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
(UMP) KE InQKA**

## 23-24

**KUDAH InQKA**

Kutip Sampah Sambil Riadah

## 25

**LAWATAN MUHIBAH NAIB CANSOLOR KE INSTITUT  
KUALITI DAN PENGEMBANGAN ILMU (InQKA)**

## 26

**BENGKEL PENGURUSAN MEDIA SOSIAL**

## 27-28

**LAWATAN PENANDAARASAN**

Pusat Kemajuan Kualiti, Universiti, Tenaga Nasional (UNITEN)

## 29-31

**SESI LAWATAN KERJA INDEKS KELESTARIAN PROGRAM (IKP)  
DAN SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG) UMK KE (InQKA)**

## 32-33

**TAKLIMAT PENYEDIAAN TRAINING MODULE FOR UITM QUALITY  
OFFICER**

## 34

**SESI PERJUMPAAN PENERUSI LEMBAGA PENGARAH UITM  
DAN PENGURUSAN InQKA**

## 35

**REDAKSI**

# PRAKATA

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Saya bersyukur atas keizinan yang Maha Esa, majalah KUALITI Edisi April-Jun 2023 dapat diterbitkan. Ini adalah edisi ke-4 KUALITI yang telah diterbitkan setakat ini. Kami teruja untuk berkongsi aktiviti-aktiviti pembudayaan kualiti yang giat dijalankan oleh InQKA kepada warga UiTM.

Terima kasih Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu, InQKA kerana dapat meneruskan penerbitan majalah KUALITI buat sekian kalinya.

Istimewa edisi kali ini adalah Pelaporan Dapatan Penilaian iQMS yang menfokuskan kepada Area 2 iaitu *Academic Development and Management*. Dapatan daripada kajian ini telah mengenal pasti tahap keakuran dalam pengoperasian Kolej Pengajian, Fakulti, Pusat Akademik dan Kampus Cawangan di UiTM dengan merujuk kepada keperluan Pembangunan dan Pengurusan Akademik instrumen swaakreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Semoga warga UiTM dapat memanfaatkan perkongsian yang telah dimuatkan dalam KUALITI pada kali ini. Terima kasih kerana terus menjadi penggerak ke arah pembudayaan kualiti dan inovasi universiti yang lebih baik.

**Prof. Dr. Azizah Abdullah**

PENOLONG NAIB CANSELOR

INSTITUT KUALITI DAN  
PENGEMBANGAN ILMU (InQKA)

# NOTA

## EDITOR

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Saya bersyukur atas keizinan yang Maha Esa, majalah KUALITI Edisi April-Jun 2023 dapat diterbitkan. Ini adalah edisi ke-4 KUALITI dan beberapa edisi lagi akan diterbitkan pada tahun ini. Kami akan terus berusaha meningkatkan kualiti majalah KUALITI seiring dengan misi dan visi universiti.

Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan edisi kali ini kerana memberikan kerjasama yang baik dan jitu.

Kami berharap agar warga UiTM dapat sama-sama menyumbang idea bagi memastikan penerbitan akan datang menjadi lebih baik. Sebarang saranan boleh dimajukan kepada kami melalui email rasmi InQKA.

Selamat membaca!



CHM. DR. SHAHRUL NIZAM AHMAD

# PENJENAMAAN DAN PENSTRUKTURAN SEMULA UNIT DI InQKA

Disediakan oleh : Unit Pentadbiran

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menjenama dan menyusun semula unit di InQKA bagi tujuan pengemaskinian carta organisasi InQKA serta penstrukturan semula nomenklatur jawatan pentadbir akademik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA). Penstrukturan semula ini adalah selaras dengan hasrat InQKA untuk memantapkan lagi sistem pengurusan kualiti universiti.

Melihat kepada latar belakang organisasi, bermula dari tahun 1994 penubuhan Centre for Total Quality in Education (CTQE) telah berkembang pesat sehingga ke hari ini menjadi Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), sebagai nadi universiti dalam sistem pengurusan kualiti. Penstrukturan InQKA dari tahun ke tahun dibuat dalam memastikan InQKA selari dengan kehendak universiti.

Ini dapat dilihat dari pelbagai proses yang dijalankan dibawah pengurusan InQKA. Pengurusan pengiktirafan program akademik dan pengkalan swaakreditasi termasuk pelaksanaan audit institusi serta penganugerahan berkonsepkan kualiti dan inovasi seperti Simposium Kecemerlangan Operasi, Konvensyen KIK serta Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) dijalankan oleh InQKA pada setiap tahun.

Penstrukturan semula InQKA telah dibincangkan dan dicadangkan dengan mengambil kira 2 aspek penting iaitu fungsi penyampaian perkhidmatan dan nomenklatur perjawatan pentadbir akademik InQKA.

Penjenamaan semula unit, pengemaskinian carta organisasi dan nomenklatur pentadbir akademik telah pun berkuatkuasa pada 1 Mac 2023.

BIL	SEDIA ADA	BARU
1.	Unit Jaminan Kualiti Dalam	Unit Jaminan Kualiti Akademik
2.	Unit Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi	Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi
3.	Unit Inovatif dan Kreatif	Diletakkan di bawah Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi
4.	Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu	( Kekal )
5.	Unit Pentadbiran, ICT dan AKNC	Unit Pentadbiran dan ICT (Skop AKNC diletakkan di bawah Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi)

# PELAPORAN DAPATAN PENILAIAN iQMS: **ACADEMIC DEVELOPMENT AND MANAGEMENT**

Disediakan oleh : Prof Madya Ir. Ts. Dr. Husna Zainol Abidin, Dr. Shatina Saad, Profesor Dr. Azizah Abdullah, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA

## PENGENALAN

Sebagai sebuah universiti komprehensif dan terbesar di Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UiTM) memainkan peranan penting dalam menjayakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Selaras dengan itu, UiTM telah melancarkan Pelan Strategik UiTM 2025 yang dikenali sebagai *Globally Renowned University 2025 (GRU 2025)* yang menyasarkan UiTM menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025. Salah satu Teras Strategik yang ditetapkan di dalam GRU 2025 adalah Pendidikan Berkualiti (Universiti Teknologi MARA, 2020).

Dalam usaha menjayakan Teras Strategik Pendidikan Berkualiti, UiTM melalui Insititut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah membangunkan sistem penilaian yang menggabungkan keperluan yang digariskan oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan standard ISO 9001:2015.

Instrumen penilaian yang dikenali sebagai *Integrated Quality Management System (iQMS)* telah digunakan oleh pihak InQKA dalam memastikan kualiti pengoperasian dan penyampaian program akademik yang ditawarkan oleh semua Kolej Pengajian, Fakulti, Pusat Akademik dan Kampus Cawangan di UiTM adalah terjamin.

## PENILAIAN LUAR

Penilaian Luar (ER) dijalankan oleh unit Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi (SKKO), Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), UiTM ke atas semua Kolej Pengajian, Fakulti, Pusat Akademik dan Kampus Cawangan merupakan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang menawarkan program-program akademik di UiTM.

Proses audit ini bertujuan untuk menilai tahap keakuran PTJ-PTJ ini dalam pengoperasian hal ehwal akademik berdasarkan kepada *Guide on Compliance Evaluation for Self- Accreditation Universities (GCESAU) 2020* yang dikeluarkan oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

## SKOP PENILAIAN


Instrumen Penilaian Luar (ER) yang dikenali sebagai *Integrated Quality Management System (iQMS)* yang dijalankan di setiap PTJ telah dibangunkan berdasarkan kepada pemetaan kriteria-kriteria yang digariskan oleh GCESAU dengan kriteria-kriteria standard ISO 9001:2015. Penilaian ini merangkumi empat (4) bidang penilaian seperti berikut:

1. *Institutional Leadership and Governance*
2. *Academic Development and Management*
3. *Talent and Resources*
4. *Continual Quality Improvement and Sustainability*

## SKOP PELAPORAN

1. Pelaporan ini memfokuskan kepada tahap keakuran Kolej Pengajian, Fakulti, Pusat Akademik dan Kampus Cawangan di UiTM terhadap bidang *Academic Development and Management*.
2. Hasil dapatan daripada ER ini dianalisa dan dikaji untuk melihat kepada keakuran PTJ yang berkait rapat dengan kualiti perkhidmatan yang diberikan, yang secara tidak langsung memberi kesan kepada kualiti program akademik yang ditawarkan.

Bidang *Academic Development Management* dibahagi kepada tiga (3) domain seperti yang tertera di Rajah 1. Domain yang pertama berkait dengan Formulasi Hasil Pembelajaran terdiri daripada dua (2) sub-domain; Domain kedua iaitu Reka Bentuk, Penyampaian dan Penilaian Kurikulum terdiri daripada empat (4) kategori; a) Struktur dan kandungan kokurikulum b) Kaedah instruktorial c) Penilaian d) Penjajaran Konstruktif yang dibahagikan kepada tujuh (7) sub-domain manakala domain ketiga iaitu Kemasukan dan Mobiliti dibahagikan kepada dua (2) sub-domain.



Rajah 1: Domain dan Sub-Domain Kajian

## KAEDAH KAJIAN

Penilaian Luar (ER) yang dijalankan oleh pihak InQKA telah berlangsung sebanyak lima (5) kitaran di mana sistem iQMS digunakan secara menyeluruh. Kajian ini adalah berdasarkan kepada hasil dapatan penilaian kitaran lima (5) ke atas semua PTJ yang menawarkan program akademik di UiTM. Skor penilaian adalah berdasarkan kepada skala yang ditunjukkan seperti di Jadual 1.

**Jadual 1: Skala bagi Skor Penilaian iQMS**


Skor	Keterangan
5	Cemerlang
4	Baik
3	Memuaskan
2	Kurang memuaskan
1	Tidak memuaskan

## DAPATAN KAJIAN

Analisis Deskriptif penganalisan data adalah tindakan untuk mendapatkan maklumat daripada data mentah. Data deskriptif memberikan maklumat dan gambaran sebenar tentang bentuk taburan profil yang hendak dikaji. Statistik deskriptif yang digunakan untuk menganalisis data deskriptif ialah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Penyelidik menggunakan kaedah deskriptif untuk mengkaji soalan kajian.


Dapatan kajian menunjukkan skor min untuk kesemua tiga (3) domain bagi bidang Pembangunan dan Pengurusan Akademik ini iaitu: 1) Formulasi Hasil Pembelajaran; 2) Reka Bentuk, Penyampaian dan Penilaian Kurikulum; dan 3) Kemasukan dan Mobiliti. Analisa telah dibuat bagi menerangkan dengan lebih jelas dapatan domain bersama dengan subdomain daripada PTJ yang terdiri daripada 28 Kolej Pengajian, Fakulti dan Pusat Akademik manakala 12 lagi daripada Kampus Cawangan di seluruh sistem UiTM.





**Rajah 2: Domain 2.1 Formulasi Hasil Pembelajaran**


Rajah 2 menunjukkan pencapaian dapatan bagi domain Formulasi Hasil Pembelajaran Kolej Pengajian, Fakulti, Pusat Akademik dan Kampus Cawangan di UiTM. Dua subdomain telah dikenal pasti bagi domain ini. Subdomain pertama menyatakan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) mesti menjalankan analisis keperluan yang mempertimbangkan permintaan pasaran dan masyarakat melalui penglibatan dengan pihak berkepentingan. Dapatan daripada kajian ini menyatakan Kampus Cawangan memperoleh skor min yang lebih tinggi (min=4.08) berbanding dengan Kolej Pengajian, Fakulti dan Pusat Akademik (min=3.63). Manakala bagi subdomain dua pencapaian antara Kolej Pengajian, Fakulti dan Pusat Akademik serta Kampus Cawangan adalah setara. Ini menunjukkan bahawa PTJ telah menyelaraskan hasil pembelajaran program dan kursusnya dengan Rangka Kerja Kelayakan Malaysia (MQF) bagaimanapun pencapaian adalah dalam julat memuaskan dan baik bagi Kampus Cawangan (min=3.92) dan Kolej Pengajian, Fakulti dan Pusat Akademik (min=3.89).



**Rajah 3: Domain 2.2 Reka bentuk, Penyampaian dan Penilaian Kurikulum**

Rajah 3 menunjukkan dapatan bagi domain Reka bentuk, Penyampaian dan Penilaian Kurikulum bagi Kolej Pengajian, Fakulti, Pusat Akademik dan Kampus Cawangan di UiTM. Domain ini terdiri daripada empat (4) kategori yang dibahagi kepada tujuh (7) sub-domain. Empat kategori itu adalah 1) Struktur dan Kandungan Kurikulum; 2) Kaedah Intruksional; 3) Penilaian; dan 4) Penjajaran Konstruktif. Bagi Stuktur dan Kandungan Kurikulum dua subdomain telah dikenal pasti, satu subdomain bagi Kaedah Intruksional serta Penjajaran Konstruktif manakala tiga subdomain bagi Penilaian.

Secara keseluruhan dapatan daripada kajian ini menyatakan Kampus Cawangan memperoleh skor min yang lebih tinggi bagi lima subdomain untuk kategori Stuktur dan Kandungan Kurikulum (subdomain 2.2.1 & 2.2.2), Penilaian (subdomain 2.2.4 & 2.2.6) dan Penjajaran Konstruktif (2.2.7). Manakala Kolej Pengajian, Fakulti dan Pusat Akademik memperoleh skor min yang lebih tinggi bagi Kategori Kaedah Intruksional (subdomain 2.2.3). Bagi subdomain 2.2.5 skor min adalah sama bagi semua PTJ di UiTM. Secara umumnya, pencapaian Kolej Pengajian, Fakulti, Pusat Akademik dan Kampus Cawangan di UiTM adalah di dalam julat memuaskan dan baik bagi domain Reka bentuk, Penyampaian dan Penilaian kurikulum.



**Rajah 4: Domain 2.3. Kemasukan dan Mobiliti**

Rajah 4 menunjukkan dapatan pencapaian Kolej Pengajian, Fakulti, Pusat Akademik dan Kampus Cawangan di UiTM bagi domain Kemasukan dan Mobiliti. Dua subdomain telah dikenal pasti bagi domain ini. Subdomain pertama menyatakan PPT mestilah mempunyai dasar, kriteria, dan proses pemilihan, kemasukan dan rayuan pelajar, termasuk pertukaran dan pertukaran pelajar serta mereka yang berkeperluan khas yang sentiasa disemak. Dapatan daripada kajian ini menyatakan perbezaan skor min yang sangat minimal di antara Kampus Cawangan (min=4.00) dengan Kolej Pengajian, Fakulti dan Pusat Akademik (min=3.96). Manakala bagi subdomain dua pencapaian Kolej Pengajian, Fakulti dan Pusat Akademik adalah lebih tinggi (min=4.11) berbanding dengan Kampus cawangan (min=3.92). Ini adalah kerana kebanyakan program yang ditawarkan sentiasa disemak dan dikemaskini di Kolej Pengajian, Fakulti dan Pusat Akademik sebagai Pengurus Utama.

## Rumusan

Dapatan daripada kajian ini telah mengenal pasti tahap keakuran dalam pengoperasian Kolej Pengajian, Fakulti, Pusat Akademik dan Kampus Cawangan di UiTM dengan merujuk kepada keperluan Pembangunan dan Pengurusan Akademik instrumen swaakreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Sehubungan dengan itu tiga (3) domain utama telah dikenal pasti iaitu 1) Formulasi Hasil Pembelajaran; 2) Reka bentuk, Penyampaian dan Penilaian Kurikulum; dan 3) Kemasukan dan Mobiliti. Dapatan kajian menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap skor bagi Kolej Pengajian, Fakulti, dan Pusat Akademik berbanding Kampus Cawangan di UiTM. Kampus Cawangan memperolehi skor min yang lebih tinggi bagi domain Formulasi Hasil Pembelajaran serta Reka bentuk, Penyampaian dan Penilaian Kurikulum. Manakala, Kolej Pengajian, Fakulti dan Pusat Akademik lebih tertumpu kepada Kemasukan dan Mobiliti Pelajar.

## Rujukan

Kumar, P., Singhal. S., & Kansal J. (2022). *Quality Management System Practices Performed in ISO 9001 Certified Engineering Educational Institutions: A Critical Analysis of Indian Universities*. *Journal of Engineering Education Transformations*,36(1). 67-75.

Universiti Teknologi MARA, Bahagian Transformasi Universiti (2020) *Pelan Strategik UiTM 2025 : Menyerlahkan Potensi Membentuk Masa Hadapan/Universiti Teknologi MARA*. 1st. UiTM Press, Shah Alam.

# Webinar

## PEMBANGUNAN, PENGIKTIRAFAN, PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN PROGRAM AKADEMIK

Disediakan oleh:

Prof. Madya. Dr. Kamarularifin Abd. Jalil  
Puan Norakmar Syatila Zakaria

Unit Jaminan Kualiti Akademik (AQA), InQKA telah menganjurkan empat (4) sesi Webinar Pembangunan, Pengiktirafan, Pengurusan dan Pemantauan Program Akademik yang dijalankan secara dalam talian dan diperincikan di dalam Jadual 1.

Tujuan webinar ini adalah untuk memberi pemahaman mengenai pembangunan, pengiktirafan, pengurusan dan pemantauan program akademik kepada semua warga di UiTM dan garis panduan yang berkaitan dengan akreditasi program akademik.

Webinar Pembangunan, Pengiktirafan, Pengurusan dan Pemantauan Program Akademik juga diadakan adalah sebagai persediaan bagi menghadapi Audit Pemuatan Status Swaakreditasi yang akan berlangsung di UiTM Cawangan Terengganu pada 29 Mei 2023, UiTM Cawangan Sarawak pada 17 Julai 2023 dan UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana pada 24 Julai 2023.



Bil	Tajuk Webinar	Penceramah Jemputan	Tarikh
1	<i>Programme Development &amp; Accreditation</i>	1. Prof. Dr. Azizah Abdullah – Penolong Naib Canselor (InQKA) 2. Prof. Ts. Dr. Wardah Tahir – Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Kurikulum (UHEK)	12 April 2023
2	<i>Programme Delivery</i>	Prof. Madya Ts. Dr. Syamsul Nor Azlan Mohamad – Pengarah, Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik (BPPA) 2. Prof. Madya Dr. Zainuddin Ibrahim – Ketua, Pembangunan Penyampaian dan Pembelajaran (CIDL) 3. Dr. Prasanna Ramakrisnan – Pengurus Bahagian Perkhidmatan Teknologi Maklumat, Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS)	03 Mei 2023
3	<i>Assessment of Student Learning</i>	1. Prof. Madya Ts. Dr. Suriyani Ariffin – Pengarah Pembangunan Akademik, Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) 2. Prof. Madya Ts. Dr. Syamsul Nor Azlan Mohamad – Pengarah, Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik (BPPA)	10 Mei 2023
4.	Programme Monitoring, Review & CQI	1. Prof. Ts. Dr. Wardah Tahir – Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Kurikulum (UHEK) 2. Prof. Madya Ts. Dr. Suriyani Ariffin – Pengarah Pembangunan Akademik, Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) 3. Prof. Madya Ts. Dr. Syamsul Nor Azlan Mohamad – Pengarah, Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik (BPPA) 4. Prof Madya Dr. Kamarularifin Abd Jalil – Pengarah Unit Jaminan Kualiti Akademik (AQA), InQKA	24 Mei 2023

**Webinar**  
Pembangunan, Pengiktirafan, Pengurusan dan Pemantauan Program Akademik  
"PROGRAMME DEVELOPMENT & ACCREDITATION"  
12 April 2023 (Rabu) | 2:15 petang - 3:45 petang | Zoom Webinar

**Prof. Dr. Azlan Abdulrahman**  
Penyarah  
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (IKPA)

**Prof. Ts. Dr. Wanidah Tahir**  
Penyarah  
Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK)

#KEKALSUALITM  
@inikaautm

**Webinar**  
Pembangunan, Pengiktirafan, Pengurusan dan Pemantauan Program Akademik  
"PROGRAMME MONITORING, REVIEW & CQI"  
24 Mei 2023 (Rabu) | 2:15 petang - 4:00 petang | Zoom Webinar

**Prof. Ts. Dr. Wanidah Tahir**  
Penyarah  
Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK)

**Prof. Muzly Yusoff**  
Penyarah  
Bahagian Penyelidikan dan Penyelidikan Akademik (BPPA)

**Prof. Madya Ts. Dr. Syamsul Nour Azlan Mohamad**  
Penyarah  
Bahagian Penyelidikan dan Penyelidikan Akademik (BPPA)

**Prof. Madya Dr. Surayyah Khatib**  
Penyarah  
Bahagian Penyelidikan dan Penyelidikan Akademik (BPPA)

#KEKALSUALITM  
@inikaautm

**Webinar**  
Pembangunan, Pengiktirafan, Pengurusan dan Pemantauan Program Akademik  
"PROGRAMME DELIVERY"  
3 Mei 2023 (Rabu) | 2:15 petang - 4:00 petang | Zoom Webinar

**Prof. Madya Ts. Dr. Syamsul Nour Azlan Mohamad**  
Penyarah  
Bahagian Penyelidikan dan Penyelidikan Akademik (BPPA)

**Prof. Madya Dr. Zainuddin Ibrahim**  
Penyarah  
Pembangunan Penyelidikan dan Pembelajaran (ICPA)

**Dr. Praseena Ramakrishnan**  
Penyarah  
Bahagian Teknologi Maklumat Institut Pendidikan Bersejarah dan Pengajaran Profesional (ICPP)

#KEKALSUALITM  
@inikaautm

**Webinar**  
Pembangunan, Pengiktirafan, Pengurusan dan Pemantauan Program Akademik  
"ASSESSMENT OF STUDENT LEARNING"  
10 Mei 2023 (Rabu) | 2:15 petang - 4:00 petang | Zoom Webinar

**Prof. Madya Ts. Dr. Syamsul Nour Azlan Mohamad**  
Penyarah  
Bahagian Penyelidikan dan Penyelidikan Akademik (BPPA)

**Prof. Madya Ts. Dr. Surayyah Khatib**  
Penyarah  
Bahagian Penyelidikan dan Penyelidikan Akademik (BPPA)

#KEKALSUALITM  
@inikaautm

# LAWATAN AUDIT AKREDITASI PROGRAM (LAAP)

Lawatan Audit Akreditasi Program (LAAP) diadakan untuk tujuan penilaian seperti berikut:

- i. Pindah Premis
- ii. Penilaian 2u2i
- iii. Akreditasi Penuh
- iv. Audit Pematuhan

Antara bulan April hingga Jun 2023, LAAP telah diadakan untuk tujuan penilaian pindah premis, 2u2i dan akreditasi penuh. Untuk LAAP pindah premis, seorang panel penilai luar dalam bidang berkaitan akan dilantik, manakala untuk LAAP penilaian 2u2i dan akreditasi penuh, dua (2) orang panel penilai iaitu seorang panel luar dan seorang panel dalam akan dilantik. Panel penilai yang dilantik akan terlebih dahulu menyemak dokumen dan borang permohonan yang telah diisi sebagai persediaan sebelum ke lawatan tapak kelak.





Sepanjang tempoh April hingga Jun 2023, sebanyak dua (2) lawatan audit akreditasi secara fizikal dan 12 lawatan audit akreditasi secara dalam talian telah dijalankan. Perincian 14 lawatan audit akreditasi program yang telah dijalankan diperincikan di dalam Jadual 1.

## Jadual 1

Bil	Nama Program	Lokasi Program	Tarikh Lawatan	Panel Penilai	Jenis Lawatan
1	Doktor Falsafah (Pendidikan)	UiTM Shah Alam	17 April 2023	Professor Dr. Gurnam Kaur Sidhu (SEGi University)	Pindah Premis
2	Sarjana (Pendidikan)	UiTM Shah Alam	17 April 2023	Dr.Che Aleha binti Ladin (UM)	Pindah Premis
3	Sarjana Pendidikan (Pendidikan Seni Visual)	UiTM Shah Alam	17 April 2023	Dr.Che Aleha binti Ladin (UM)	Pindah Premis
4	Sarjana Pendidikan Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan	UiTM Shah Alam	17 April 2023	Dr.Noryati Alias (Segi University)	Pindah Premis
5	Sarjana Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua	UiTM Shah Alam	17 April 2023	Professor Dr. Gurnam Kaur Sidhu (SEGi University)	Pindah Premis
6	Sarjana Muda Animasi (Kepujian) Produksi Animasi 2D	Industri terlibat	8,9,10,17 Mei 2023	Norzaful Anuwar Ahmad Najamuddin (UCSI)	Penilaian 2u2i
7	Sarjana Muda Animasi (Kepujian) Produksi Animasi 3D	Industri terlibat	8,9,10,17 Mei 2023	Norzaful Anuwar Ahmad Najamuddin (UCSI)	Penilaian 2u2i

Bil	Nama Program	Lokasi Program	Tarikh Lawatan	Panel Penilai	Jenis Lawatan
8	Sarjana Muda Pemasaran Digital (Kepujian)	UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat	23 - 24 Mei 2023	1. Dr. Noor Hazarina binti Hashim (UTM) Dr. Mazilah binti Abdullah (UTM)	Akreditasi Penuh dan 2u2i
9	1) Sarjana Pentadbiran Perniagaan 2) Doktor Pentadbiran Perniagaan	UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar	8 - 9 Jun 2023	1. Prof Madya Dr Lennora Putit (UiTM) 2. Prof Madya Dr Bahtiar Mohamad (UUM)	Akreditasi Penuh
10	1) Sarjana Pentadbiran Perniagaan 2) Doktor Pentadbiran Perniagaan	1) UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar 2) UiTM Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu 3) UiTM Cawang Sarawak Kampus Samarahan	8 - 9 Jun 2023	1. Prof Madya Dr. Lennora Putit (UiTM) 2. Prof Madya Dr Bahtiar Mohamad (UUM)	Akreditasi Penuh
11	Sarjana Pentadbiran Perniagaan	1) UiTM Cawangan Kedah Kampus Sungai Petani 2) UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh	14 - 15 Jun 2023	1. Dr. Nor Intan Adha Hafit (UiTM) 2. Dr. Mad ITHnin Salleh (UPSI)	Akreditasi Penuh
12	Sarjana Pentadbiran Perniagaan	1) UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun 2) UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang 3) UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka	20 - 21 Jun 2023	1. Dr.Yuslina Liza Mohd Yusof (UiTM) 2. Dr. Ahmad Zainal Abidin Abd Razak (UPSI)	Akreditasi Penuh



**Lawatan Audit Akreditasi Program (LAAP)**

Semasa LAAP untuk pindah premis dan akreditasi penuh, panel penilai akan membuat lawatan ke fasiliti berkaitan seperti makmal, perpustakaan, bilik kuliah dan bilik kebal. Selain itu, sesi temubual bersama Ketua Program, pensyarah dan pelajar juga akan diatur.

Untuk LAAP 2u2i pula, panel juga akan membuat lawatan ke industri yang terlibat. Antara yang disemak semasa lawatan ialah kemudahan fasiliti disamping menemubual jurulatih industri yang terlibat.

Penilaian oleh panel penilai permohonan akan dilaporkan dan dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP) dan disahkan di Mesyuarat SENAT sebelum ianya di bawa ke pihak MQA untuk pemakluman.





Disediakan oleh:  
Dr. Nik Azlin Nik Ariffin  
Puan Noor Azwani Asyikin Samad

17 Mei 2023 |  
Bilik Mesyuarat  
InQKA, UiTM  
Shah Alam

# Sesi Lawatan Penandaarasan Universiti Malaysia Pahang (UMP) ke InQKA

Dalam meraikan bulan Syawal yang telah sampai ke penghujung, pihak Pengurusan Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) amat berbesar hati mengalu-alukan kedatangan delegasi Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 17 Mei yang lepas.

Sesi Lawatan Penandaarasan Universiti Malaysia Pahang ini telah diketuai oleh Penolong Naib Canselor, Pusat Hal Ehwal Korporat dan Kualiti, YBhg. Prof. Ts. Dr. Kamal bin Yusoh, Pengarah Bahagian Pengurusan Data Strategik dan Kualiti, YBrs. Prof. Madya Ir. Dr. Norazwina binti Zainol, Eksekutif Kanan, Encik Faisal bin Jusoh.

Fokus utama sesi lawatan ini adalah berkaitan dengan Pembudayaan Kreativiti dan Inovasi di bawah pengurusan InQKA. Ini kerana pada tahun 2024, UMP akan menjadi tuan rumah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Universiti Awam (UA) Malaysia.

YBhg. Prof. Dr. Azizah Abdullah, Penolong Naib Canselor InQKA telah membuat sesi perkongsian secara ringkas dan menyeluruh berkaitan UiTM. Di samping itu, beliau juga telah berkongsi mengenai peranan dan fungsi InQKA serta struktur Tadbir Urus InQKA secara amnya. Antara intipati yang dibincangkan adalah pengurusan kreativiti dan inovasi adalah di bawah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO).



Sesi perbincangan selanjutnya telah diserahkan kepada Dr. Nik Azlin Nik Ariffin, Ketua Kecemerlangan Operasi dan Inovasi. Dalam sesi pembentangan ini, topik yang dibentangkan adalah berkaitan dengan Konsep Inovasi dan Kreativiti UiTM, Kepentingan Kreativiti dalam Organisasi, Evolusi KIK UiTM, Garis Panduan Pertandingan, Proses Pertandingan Kreativiti Inovasi dan 'The Way Forward' Selepas Pertandingan Kreativiti Inovasi.



Di samping itu, kreativiti dan inovasi ini penting dalam meningkatkan daya saing organisasi untuk mengadaptasi kepada perubahan global yang berlaku seiring dengan waktu dan kemajuan teknologi. Ia juga dapat membantu dalam memberikan rangsangan positif pemikiran di luar kotak untuk mencipta penyelesaian inovatif dan dapat mendorong kepada perkembangan produk, perkhidmatan dan proses kerja menjadi bertambah baik.

UiTM secara khususnya mengiktiraf pentingnya kreativiti dan inovasi dalam memacu pembangunan dan kemajuan organisasi. Konsep inovasi dan kreativiti di UiTM penting bagi merealisasikan transformasi UiTM melalui penjanaaan idea baharu dan penambahbaikan berterusan yang berimpak tinggi dalam kecemerlangan penyampaian perkhidmatan dan penjanaaan pendapatan UiTM untuk mencapai kepuasan hati pelanggan secara khusus dan kesejahteraan masyarakat secara amnya.



UiTM juga telah menggunakan horizon baharu iaitu KIK UiTM 3.0 yang dikeluarkan oleh pihak MAMPU. Dalam horizon baharu ini terdapat usahasama dengan agensi luar dalam pelaksanaan KIK. Organisasi boleh mengadakan *Memorandum of Agreement (MoA)* dengan agensi luar untuk pelaksanaan KIK. Oleh yang demikian, skop proses pelaksanaan menjadi lebih luas dan sekaligus dapat merapatkan hubungan antara IPT dan agensi luar dalam pelaksanaan KIK.



Antara inisiatif yang telah dilakukan oleh UiTM dalam KIK adalah pengenalan kepada KIK Pelajar. Kini para pelajar boleh melibatkan diri secara langsung dalam semua program KIK anjuran UiTM. Secara tidak langsung, inisiatif ini memberikan pendedahan awal kepada golongan pelajar untuk mengasah minda agar menjadi lebih kreatif dan inovatif untuk mencipta sesuatu yang baharu yang boleh memberi manfaat bersama kepada semua warga UiTM dan pelajar.

Sistem EAP ini menggunakan model bersepadu yang menggabungkan EAP dengan perkhidmatan rundingan dalam dan luar. Di samping itu, Sistem EAP ini juga menekankan kepada konsep Kerahsiaan Maklumat Staf. Bagi tujuan kawalan untuk kerahsian dan sulit, semua pihak terlibat perlu menandatangani Surat Aku Janji bagi memastikan semua butiran yang diterima adalah selamat dan tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak.

Di samping itu, kriteria penilaian juga telah dikongsikan oleh Dr. Nik Azlin kepada pihak UMP. Ini kerana rubrik penilaian UiTM telah digunapakai oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) semasa UTHM menjadi tuan rumah KIK pada tahun 2022.



Antara intipati yang telah dikongsikan oleh pihak UMP yang menarik perhatian Pengurusan InQKA adalah penggunaan Sistem *Employee Assistance Programme* (EAP). Sistem EAP ini merupakan satu inisiatif UMP bagi menyediakan perkhidmatan, perundingan dan bantuan berkaitan kerjaya atau peribadi kepada mereka yang memerlukan.

Ia juga sebahagian daripada petunjuk prestasi utama Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang 2011 – 2015 di bawah KRA 4 (a) yang memfokuskan kepada indeks kepuasan pelanggan.

Di akhir sesi lawatan ini, Penolong Naib Canselor InQKA merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Delegasi UMP yang sudi membuat lawatan penandaarasan di InQKA.

Semoga sesi lawatan penandaarasan ini akan berterusan pada masa akan datang. Secara tidak langsung boleh mengeratkan hubungan dua (2) hala KIK UA antara InQKA dan UMP khususnya dan juga untuk UiTM secara amnya.





Disediakan oleh: Noor Azmah Zuber

**Shah Alam** - Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) selaku penggerak kualiti UiTM telah menjalankan aktiviti Kutip Sampah Sambil Riadah (KUDAH) pada 1 Jun 2023. Program ini merupakan salah satu inisiatif di bawah pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) yang telah diperkenalkan pada Januari 2014 sebagai inisiatif penjenamaan semula Amalan 5S.

Program KUDAH InQKA dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kebersihan dan kekemasan persekitaran tempat kerja di samping melahirkan warga InQKA yang sihat melalui aktiviti senaman dan pergerakan sepanjang melaksanakan aktiviti mengutip sampah di sekitar Kompleks Al-Farabi, UiTM Shah Alam. Di samping itu, elemen kreatif dan inovatif diterapkan untuk memastikan ruang pejabat adalah kondusif dan memadai dengan fasiliti yang disediakan.







# KUDAH

Aktiviti KUDAH yang julung kali diadakan ini dimulakan dengan senaman ringan dan ucapan aluan oleh YBhg. Prof. Dr. Azizah Abdullah, Penolong Naib Canselor InQKA. Memetik ucapan beliau, “adalah penting untuk semua warga bersama-sama mencipta ekosistem kerja yang mampu meningkatkan motivasi dan prestasi kakitangan” menggambarkan kepentingan dan kebertanggungjawaban semua pihak untuk menjaga ekosistem yang mempengaruhi peningkatan kualiti dan produktiviti kerja.

Di akhir ucapan, Penolong Naib Canselor turut merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua warga InQKA kerana memberikan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan aktiviti KUDAH ini. Adalah diharapkan semua pihak bersama-sama menjaga persekitaran tempat kerja agar sihat dan selamat dengan ekosistem yang kondusif dan secara tidak langsung meningkatkan motivasi dan daya pemikiran kreatif semua warga.

---

---

## LAWATAN MUHIBAH NAIB CANSOLOR KE INSTITUT KUALITI DAN PENGEMBANGAN ILMU (InQKA)

---

---

09 Jun 2023

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)



Disediakan oleh: Unit Komunikasi

SHAH ALAM, 12 Jun 2023 - Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) berbesar hati menerima kunjungan YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor bagi tujuan lawatan muhibah pada 9 Jun 2023 (Jumaat). Lawatan ini adalah bertujuan bagi memastikan kebajikan staf di bawah seliaannya di utamakan. Lawatan ini juga adalah untuk memperkukuhkan kerjasama strategik bersama serta menghargai dan memberi sokongan dan motivasi kepada staf dalam menjalankan tugas-tugas seharian.



**Bengkel  
PENGURUSAN  
MEDIA SOSIAL**  
"Meningkatkan kemahiran mambar urus media sosial"

8 JUN 2023 (Khamis)  
9:00 pagi - 5:00 petang

TOPIK:

- ✓ Platform Media Sosial
- ✓ Mencipta Kandungan
- ✓ Penerbitan dan Pemantauan
- ✓ Penentuan Objektif dan Strategi

Maklumat Lanjut: [ingka@uitm.edu.my](mailto:ingka@uitm.edu.my) | Hubungi Kami: 03-9543 5717

Jain Imbes & Bertek Kanan

Saiz

1200 x 6

630 x 12

1200 x 1200

1080 x 1920

627 x 1080



Disediakan oleh: Unit Komunikasi

# BENGKEL

## PENGURUSAN MEDIA SOSIAL

Pada 8 Jun yang lalu, Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu dari Institusi Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Media Sosial bagi warga UiTM secara atas talian. Objektif utama bengkel ini adalah untuk meningkatkan kemahiran pengurusan media sosial dalam usaha mempromosikan keterlihatan UiTM.

Penceramah yang dijemput khas adalah Puan Aime Masniza Ahmad Pardas, Editor Digital Kanan Harian Metro yang mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam bidang penerbitan.

Sepanjang berlangsungnya bengkel selama 8 jam ini, beliau telah memberi penerangan yang padat dan kemas seperti cara yang betul menggunakan platform media sosial yang mempunyai penggunaan yang tinggi dalam kalangan kumpulan pelajar atau orang awam serta tips-tips mengendali dan mencipta kandungan media sosial dengan lebih efisien.

Penganjur juga turut menerima maklum balas yang amat memberangsangkan daripada para peserta yang terdiri dari 135 orang.

Semoga hasil daripada bengkel ini dapat membantu warga UiTM dalam menguruskan platform media sosial dengan lebih berkesan pada masa akan datang.



LAWATAN PENANDAARASAN

# PUSAT KEMAJUAN KUALITI, UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN)

Disediakan oleh :  
Prof Madya Dr Kamarularifin Abd Jalil  
Puan Norakmar Syatila Zakaria

**P**ada 13 Jun 2023, lawatan penanda aras telah diadakan oleh Unit Jaminan Kualiti Akademik (AQ) ke Universiti Tenaga Nasional. Seramai lapan (8) orang wakil daripada Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) dan enam (6) orang wakil daripada Quality Advancement Centre (QAC), UNITEN yang terlibat.

Lawatan yang diketuai oleh YBhg. Prof. Dr. Azizah Abdullah ini adalah untuk berkongsi pengalaman dengan universiti swasta yang berjaya mengekalkan kualiti akreditasi akademik dan pemantapan dokumentasi serta lain-lain amalan baik di dalam pengurusan kualiti. Sesi ini turut membincangkan mengenai sistem dan kaedah yang digunakan dalam pengurusan kualiti dan pengurusan akreditasi program akademik. Turut dibincangkan adalah kitaran pemantauan program (*Programme Monitoring Cycle*) yang diamalkan di UNITEN.

Di UNITEN, QAC adalah gabungan diantara Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK), AQ dan Unit Pengurusan Risiko (UPR) dimana pembangunan program akademik dan penilaian dijalankan. Selain itu, QAC, Uniten juga mengambil kira nilai prinsip-prinsip Islamik berdasarkan syariah. Dalam masa yang sama setiap staf Uniten dimestikan membuat penilaian sendiri secara individu bagi mengenal pasti pertindihan proses kerja.





## Sesi Lawatan Kerja Indeks Kelestarian Program (IKP) dan *Sustainable Development Goals (SDG)* UMK ke InQKA

Disediakan oleh : Noor Azwani Asyikin Samad

Pihak Pengurusan Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) berbesar hati menerima kunjungan dari delegasi Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada 19 Jun yang lepas. Sesi Lawatan Kerja Indeks Kelestarian Program (IKP) dan *Sustainable Development Goals (SDG)* ini telah diketuai oleh Pengarah Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik, YBrs. Prof. Madya Dr. Mohamad Najmi Masri.

Sesi lawatan kerja pada kali ini, buat julung kalinya pihak InQKA turut menjemput, Ketua Akreditasi Akademik, Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK), Dr. Muhammad Faizal Samat dan Koordinator *Greenation*, UiTM *Green Centre*, Dr Sharil Fadli Mohamad Zamri.



Fokus utama sesi lawatan kerja ini adalah untuk berkongsi idea dari segi kepakaran, pengalaman serta kemahiran UiTM dalam pembangunan dan pelaksanaan Indeks Kelestarian Program dan SDG. Di samping itu, keutamaan dari segi kemampuan program akademik yang ditawarkan mampu menjamin nilai kebolehpasaran graduan yang dilahirkan.

YBhg. Prof. Dr. Azizah Abdullah, Penolong Naib Canselor InQKA telah membuat sesi pembukaan dengan membentangkan serba sedikit berkaitan dengan Pengurusan UiTM secara menyeluruh. Sesi pembentangan tersebut merangkumi :

- Pengurusan Eksekutif UiTM
- Tadbir Urus UiTM iaitu 1 UiTM (Multi-System)
- Misi, Visi dan Matlamat Pendidikan UiTM
- Enrolmen Pelajar
- Perancangan Strategik UiTM 2025
- Pelan Strategik UiTM 2025
- Pemetaan *Sustainable Development Goals* (SDG)
- Pelan Strategik UiTM



Intipati lain yang turut dibincangkan adalah kepentingan akreditasi program akademik. Topik ini telah dibentangkan oleh Dr. Muhammad Faizal Samat daripada UHEK, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

Antara perkara yang ditekankan dalam pembentangan beliau adalah berkaitan dengan kepentingan akreditasi MQA terhadap program akademik. Dengan adanya akreditasi MQA, boleh menjamin kualiti penilaian program akademik dan berupaya untuk mencapai perakuan di peringkat antarabangsa.



Sesi perbincangan seterusnya berkaitan dengan Greenetion yang dibentangkan oleh Dr. Sharil Fadli Mohamad Zamri, Koordinator Greenation, UiTM Green Centre (UGC). Objektif utama penubuhan UGC ini adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai gaya hidup lestari dan sihat di kalangan warga UiTM.



UGC telah melaksanakan dan merancang banyak inisiatif untuk menyokong transformasi UiTM menjadi kampus hijau yang lestari. Projek-projek yang dibina berdasarkan usaha UGC dalam menjayakan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) secara tempatan dan menjadikan SDG relevan kepada komuniti kampus.



Di samping itu, sesi lawatan kerja ini juga turut membincangkan mengenai Indeks Daya Saing Program yang melibatkan lima (5) indikator utama iaitu :

- Populariti Program
- Enrolmen Pelajar
- Kualiti Pengajian dan Pembelajaran
- Kebolehpasaran Graduan
- Pendapatan Permulaan Bulanan

Dengan menggunakan indikator-indikator ini, ianya dapat membantu dalam mengevolusi dan membandingkan daya saing pelbagai program pendidikan dengan mempertimbangkan aspek-aspek penting tersebut.



Di akhir sesi lawatan kerja tersebut, Penolong Naib Canselor InQKA mencadangkan agar Pengarah Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik, YBrs. Prof. Madya Dr Mohamad Najmi Masri membuat sesi lawatan ke Pejabat Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) untuk mendapat pendedahan secara menyeluruh berkaitan dengan pengurusan Hal Ehwal Akademik.

Pihak InQKA turut merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Delegasi UMK yang sudi membuat lawatan di InQKA untuk menimba ilmu pengetahuan serta berkongsi pengalaman dalam pengurusan Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik di UMK. Tidak dilupakan juga kepada tetamu jemputan daripada UHEK dan UGC yang sama-sama berkongsi informasi dan maklumat berkaitan kepakaran masing-masing dengan delegasi UMK.

Semoga sesi lawatan kerja seperti ini akan berterusan pada masa akan datang. Ini dapat memperkukuhkan jaringan kerjasama serta sinergi positif antara IPT dengan pihak InQKA, khususnya dan juga untuk UiTM secara amnya.





# Taklimat Penyediaan Training Module for UiTM Quality Officer

Disediakan oleh : TS. Dr. Razulaimi Razali

## Taklimat penyediaan *Training Module for UiTM Quality Officer*

Taklimat penyediaan *Training Module for UiTM Quality Officer* telah diadakan pada 26 Jun 2023 bertempat di bilik seminar InQKA. Prof. Dr. Azizah Abdullah selaku penceramah memberi taklimat berkenaan modul iaitu kaedah pelaksanaan, persediaan modul dan penilaian. Sebelum sesi taklimat ini diadakan, perbincangan telah dibuat di antara pihak InQKA, KPK dan ILD bagi memurnikan cara pelaksanaan kerangka modul asal.




Taklimat Penyediaan 'Training Module For UiTM Quality Officer' oleh Prof. Dr. Azizah Abdullah, Penolong Naib Canselor InQKA.

Objektif utama taklimat ini adalah untuk melatih Pegawai Kualiti dalam mengurus dan memantau program akademik yang menitikberatkan instrumen kawal selia, pendidikan berasaskan hasil dan perubahan dalam landskap pendidikan tinggi. Selain itu, ianya juga bertujuan menyediakan Pegawai Kualiti dalam mengurus dan memantau pelaksanaan Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum (CDD) dan penilaian pelajar.

Objektif seterusnya adalah untuk membolehkan Pegawai Kualiti mengurus dan memantau sistem pengurusan kualiti. Penyediaan modul khusus kepada pentadbir perlu disediakan bagi membantu tugas pentadbir (N48) sebagai Ketua Unit Kualiti & Strategi di kolej-kolej pengajian. Latihan ini perlu dijalankan sebagai persediaan untuk pentadbir mengambil alih tugas Ketua Unit Akreditasi sedia ada di kolej-kolej pengajian.

## SESI PEJUMPAAN PENERUSI LEMBAGA PENGARAH UiTM DAN PENGURUSAN InQKA



Shah Alam - Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan Che Ros telah meluangkan masa untuk sesi perjumpaan bersama Pengurusan Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) pada 7 Julai 2023. Perjumpaan ini julung kali diadakan sebagai salah satu platform untuk pihak InQKA mengetengahkan inisiatif kualiti yang dilaksanakan di samping menampakkan peranan penting InQKA secara menyeluruh dari aspek kualiti akademik dan kualiti pengurusan UiTM. Pengerusi memberikan maklum balas bahawa intipati sesi perjumpaan ini akan dibincangkan dengan Ahli Lembaga Pengarah yang lain untuk mengenalpasti ruang-ruang penambahbaikan.



Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan Che Ros mendengar perbentangan dari wakil pengurusan InQKA



YBhg. Prof. Dr. Azizah Abdullah, Penolong Naib Canselor InQKA telah membentangkan peranan dan fungsi InQKA serta struktur Tadbir Urus Kualiti yang digunakan dalam memastikan ketelusan membuat keputusan bermula di peringkat operasi, eksekutif mahupun strategik. Antara intipati lain yang turut dibincangkan adalah peluang menyediakan kursus elektif di peringkat diploma. Pihak InQKA telah membentangkan struktur program diploma mengikut Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan juga standard program.



Sesi perjumpaan ini juga turut membincangkan cadangan penawaran program sedia ada yang diberi nama "Premium Outlet Program (POP)" yang dipilih berdasarkan kepada populariti program. Di samping itu, cadangan penawaran program secara kerjasama dengan universiti luar negara telah dibentangkan sebagai inisiatif yang boleh diletakkan di bawah MoU sedia ada di antara fakulti dengan universiti luar negara.

Sesi perjumpaan dengan Pengerusi LPU ini telah memberikan maklum balas yang sangat positif bukan sahaja dari aspek peningkatan kualiti malahan isu berkaitan penyenaaran program akademik dan kos yang terlibat juga menjadi perhatian utama dalam sesi ini. Pengerusi telah memohon agar pihak InQKA melihat amalan universiti lain di seluruh dunia dalam aspek pelaksanaan pengiktirafan program akademik.

Di akhir perjumpaan, Pengerusi LPU memohon agar perbincangan dengan MOA dapat dilaksanakan untuk memudahcara pengurusan program akademik universiti. Pihak InQKA amat berterima kasih kepada Pengerusi LPU, Naib Canselor UiTM serta semua Pengurusan UiTM yang sentiasa memberi sokongan padu kepada InQKA dalam menjamin kualiti UiTM secara keseluruhannya.



# REDAKSI



**Prof. Dr. Azizah Abdullah**  
**PENASIHAT**

**ChM. Dr. Shahrul Nizam Ahmad**  
**KETUA EDITOR**



**Noor Sazila Md. Sarip**  
**EDITOR**



**Nur Syamimi Eryzahany Abu Mansor**  
**EDITOR & PEREKA GRAFIK**



**Fateen Ilani Kamarudin**  
**EDITOR, PEREKA GRAFIK & JURUGAMBAR**

EDISI APRIL - JUN 2023

# KUALITI

## HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

© 2023. KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

## ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),  
Aras 5, Blok A, Bangunan Akademik 2,  
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,  
40450, Shah Alam,  
Selangor



@inqkautm



inqka@uitm.edu.my

